

Pihak berkuasa digesa ambil tindakan

HULU LANGAT 17 Feb. - Pihak berwajib digesa mengambil tindakan terhadap pemilik tanah yang terlibat dalam mewujudkan penempatan warga asing di Kampung Kenangan 18, Sungai Makau, Jalan Sungai Tekali di sini.

Timbalan Ketua UMNO Bahagian Hulu Langat, Datuk Markiman Kobiran berkata, isu tersebut telah dibangkitkan oleh penduduk setempat kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Jabatan Imigresen sejak sekian lama.

Menurutnya, apa yang mengecewakan sehingga hari ini tiada tindakan proaktif diambil pihak bertanggungjawab dalam menangani isu ini.

“Walhal pihak tersebut mengetahui isu ini semasa operasi denggi yang dijalankan di kawasan itu se-

belum ini.

“Keadaan ini benar-benar menimbulkan rasa terkilan kepada penduduk,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di lokasi.

Tambah Markiman, penduduk turut difahamkan pemilik tanah menyalahgunakan syarat tanah pertanian kepada aktiviti komersial.

Lebih menimbulkan tanda tanya tindakan berani mereka membina struktur kekal di bahagian tebing sungai berhampiran.

“Keadaan ini sekaligus menimbulkan pencemaran sungai, sehingga mengganggu aliran air,” katanya.

Dalam masa sama Markiman turut mempersoalkan status kad Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) yang dimiliki oleh warga asing atau pelarian yang tinggal di kawasan itu.

“Adakah semua daripada mereka mempunyai kad tersebut atau berlaku pemalsuan kad kerana begitu ramai yang tinggal di situ, sehingga wujud sebuah perkampungan.

Tambahnya, sikap wakil rakyat di kawasan itu yang langsung tidak ambil peduli terhadap masalah penduduk di kawasan itu turut menimbulkan rasa terkilan.



MARKIMAN KOBIRAN



TINDAKAN berani warga asing membuat penyambungan rumah sehingga ke tebing sungai turut menimbulkan persoalan penduduk.